KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **11 JULAI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS

TARIKH: 11/7/2024

M/SURAT: 1




**Cegah penipuan**

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Melaka memeriksa gerai penjaja raja buah bagi memastikan peniaga mematuhi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan, Akta Timbang dan Sukat serta Akta Perlindungan Pengguna di Lebuh AMJ, Cheng, Melaka semalam. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

Utusan Malaysia
HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 5

# KPDN akui *fleet card* lewat dikeluarkan

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengaku berlaku kelewatan pengeluaran *fleet card* bagi kegunaan syarikat pengangkutan darat barangan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, bagi menangani isu berbangkit, pihaknya mengambil beberapa langkah antaranya memohon syarikat minyak melaksana penggunaan kad tunai.

Katanya, pihaknya juga akan bekerjasama rapat dengan lima syarikat minyak untuk mempercepat proses pengeluaran *fleet card* itu.

"Memang saya akui ada masalah dari segi kelewatan pengeluaran *fleet card* oleh syarikat-syarikat minyak dan kita meneruskan (sesi) libat urus dengan syarikat-syarikat minyak untuk memastikan lebih cepat dikeluarkan," katanya.

"Selain daripada membayar balik, kami dan Kementerian Kewangan juga mempermudahkannya. Kami juga meminta syarikat minyak sekarang melaksana penggunaan kad tunai sementara menunggu *fleet card* dikeluarkan.

"Insya-Allah kita ambil maklum kekhuatiran YB (Yang Berhormat) dan sedikit kerumitan yang dihadapi oleh pengguna disebabkan isu fleet card ini selain akan terus bekerjasama rapat dengan kelima-lima syarikat minyak ini untuk mempercepat pengeluarannya," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) yang mahu penjelasan kementerian berhubung kelewatan pengeluaran *fleet card* di bawah pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Poay Tiong berkata, walaupun KPDN memberi kelulusan pada Mac dan April lalu, namun, masih banyak syarikat pengangkutan darat belum menerima *fleet card*.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 29

# Risikan sebulan tumpaskan sindiket beli diesel tengah laut

**KEMAMAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mematahkan sindiket penyelewengan diesel selepas merampas 30,000 liter bahan bakar itu di sebuah jeti berhampiran Sungai Kuang dekat sini, kelmarin.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, diesel tersebut dirampas hasil serbuan ke atas sebuah kapal tunda dan lori di jeti tersebut kira-kira pukul 2 pagi.

"Kita percaya modus operandi sindiket ini adalah membeli diesel di tengah laut menggunakan kapal tunda dan bahan bakar itu kemudian dipindahkan ke lori tangki untuk dijual semula kepada pembeli di pasaran gelap.

"Dianggarkan semasa serbuan terdapat lebih kurang 10,000 liter minyak diesel telah dipindahkan dari kapal tunda ke lori tangki menggunakan paip getah," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Saharuddin berkata, serbuan membabitkan tujuh penguat kuasa KPDN dan anggota polis itu adalah hasil risikan selama sebulan.

"Hasil pemeriksaan lanjut turut mendapati kapal dan lori itu tidak memiliki permit atau surat kebenaran untuk berurusan dengan barang kawalan iaitu minyak diesel.

"Kita turut menahan empat lelaki warga tempatan dan seorang warganegara Indonesia berumur lingkungan 30 hingga 40 tahun bagi membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, kesemua rampasan tersebut dianggarkan bernilai RM863,500 dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



SAHARUDDIN Mohd. Kia (dua dari kiri) memeriksa kapal tunda yang dipercayai terlibat dalam kegiatan penyelewengan diesel di sebuah jeti berhampiran Sungai Kuang, Kemaman, kelmarin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS

TARIKH: 11/7/2024

M/SURAT: 34

# Pasangan suami isteri ditahan seludup petrol

**TUMPAT:** Sepasang suami isteri ditahan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan selepas cuba menyeludup 75 liter petrol menggunakan Perodua Kenari yang diubah suai tangki dalam serbuan di Kampung Dusun Langgar, Wakaf Bharu di sini semalam.

Serbuan pukul 11 pagi itu dilakukan anggota KPDN Kelantan selepas mengesan kereta tersebut dalam keadaan mencurigakan semasa sedang mengisi bahan bakar itu di Wakaf Bharu.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, susulan pasukan penguat kuasa berjaya mengesan kereta tersebut yang sedang parkir di hadapan sebuah rumah di Kampung Dusun Langgar.

Menurutnya, semasa serbuan dilakukan anggota bertugas mendapati pasangan suami isteri itu berada di dalam kereta tersebut.

"Semasa ditahan, pasangan itu gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit serta surat kuasa berkait pemilikan minyak petrol yang dibawa bersama tersebut.

"Hasil pemeriksaan ke atas kereta itu membawa kepada penemuan tangki minyak yang telah diubahsuai dan mengandungi bahan bakar melebihi kuantiti asal," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Azman memberitahu, suspek mengaku memiliki sebanyak 75 liter minyak petrol yang diisi ke dalam tangki yang telah diubahsuai untuk tujuan penyelewengan ke negara jiran melalui pangkalan haram.

Katanya, pasangan suami isteri itu kemudian ditahan untuk tindakan lanjut bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 17



SAHARUDDIN (dua dari kanan) memeriksa kapal tangki yang membawa diesel di Jeti Sungai Kuang, Kemaman kelmarin.

# Beli diesel subsidi di tengah laut

**KEMAMAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu merampas 50,000 liter diesel untuk pasaran gelap selepas menyerbu sebuah jeti berhampiran Sungai Kuang, di sini kelmarin.

Sindiket penyeludupan bahan api itu menggunakan modus operandi dengan membeli diesel daripada golongan yang mendapat subsidi di tengah laut sebelum dipindahkan menggunakan kapal tunda.

Bahan bakar tersebut kemudian dibawa ke jeti untuk dipindahkan ke dalam lori tangki sebelum dijual di pasaran gelap.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, dalam operasi pada pukul 2 pagi itu, sebanyak 50,000 liter diesel yang dirampas tersebut ditemukan di dalam sebuah kapal tunda dan lori.

Menurutnya, nilai diesel yang dirampas setelah risikan lebih sebulan dilakukan berkenaan dianggarkan bernilai RM863,500.

"Siasatan awal mendapati, sindiket terbabit telah memindahkan kira-kira 10,000 liter diesel dari kapal tunda ke lori tangki menggunakan paip getah.

"Pemindahan minyak diesel terbabit dilakukan tanpa kebenaran Pengawal Bekalan untuk urusan barang kawalan terbabit," katanya di sini semalam.

Tambahnya, serbuan tersebut juga berjaya menahan empat lelaki tempatan dan seorang warga Indonesia yang berumur antara 30 hingga 40 tahun bagi membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, siasatan lanjut sedang dilakukan untuk mengesan pihak yang menerima diesel subsidi, namun bersekongkol dengan sindiket terbabit.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 17

Laki bini naik kereta ditahan seludup minyak subsidi

# Penyeludup petrol terus 'ligat' buat kerja

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

**KOTA BHARU** – Kegiatan penyeludupan diesel rentas sempadan mula berkurangan selepas penyasaran subsidi dilaksanakan, namun petrol terus diseludup keluar ke negara jiran.

Penyeludupan petrol terbukti masih berlaku apabila sepasang suami isteri yang menaiki sebuah kereta ditahan di Kampung Dusun Langgar, Wakaf Bharu dekat Tumpat, di sini kelmarin, kerana cuba menyeludup 75 liter petrol ke Thailand.

Kedua-dua suspek dicekup kira-kira pukul 11 pagi semasa anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menjalankan Operasi Pencegahan Ketirisan Barang Kawalan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail memberitahu, anggota bertugas pada awalnya mengesan sebuah kereta jenis Perodua Kenari yang berada dalam keadaan mencurigakan semasa mengisi petrol di sebuah stesen minyak di Wakaf Bharu dekat Tumpat.

Menurutnya, anggota penguat kuasa kemudian berjaya mengesan kereta itu diletakkan di hadapan sebuah rumah di Kampung Dusun Langgar.

"Pasangan suami isteri itu didapati berada di dalam kereta tersebut sebelum anggota penguat kuasa terus bertindak menahan mereka.

"Pemeriksaan pada bahagian tangki kereta itu mendapati bahagian tersebut sudah diubah suai sehingga mampu menyimpan sebanyak 75 liter petrol, sekali gus melebihi kuantiti asal yang dibenarkan," katanya ketika dihubungi semalam.

Azman memberitahu, pasangan suami isteri itu juga gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit dan surat kuasa berkait pemilikan petrol tersebut.

Menurutnya, mereka akhirnya mengaku kesemua petrol itu akan diseleweng dan diseludup ke negara jiran melalui pangkalan haram.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk kereta dan minyak petrol dianggarkan berjumlah RM5,175.

"KPDN Kelantan akan mempergiat rondaan di stesen-stesen minyak yang terletak kira-kira 50 kilometer dari sempadan negara bagi mengelakkan petrol bersubsidi itu diseludup keluar," ujarnya.

Tambahnya, pasangan suami isteri itu ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



**PERODUA Kenari yang dinaiki pasangan suami isteri ditahan kerana cuba menyeludup petrol di Kampung Dusun Langgar, Wakaf Bharu dekat Tumpat kelmarin.** – IHSAN KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 11/7/2024

M/SURAT: 17

# KPDN bekerjasama dengan 5 syarikat minyak percepat proses pengeluaran *fleet card*

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui berlaku kelewatan pengeluaran *fleet card* bagi kegunaan syarikat pengangkutan darat barangan.

**Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali** berkata, bagi menangani isu berbangkit, pihaknya mengambil beberapa langkah seperti memohon syarikat minyak melaksanakan penggunaan kad tunai.

Selain itu, pihaknya juga akan bekerjasama rapat dengan lima syarikat minyak untuk mempercepat proses pengeluaran *fleet card*.

"Memang saya akui ada masalah daripada segi kelewatan pengeluaran *fleet card* oleh syarikat minyak dan kami meneruskan (sesi) libat urus dengan syarikat minyak untuk memastikan lebih cepat ia dikeluarkan.

"Selain daripada membayar balik, kami dan Kementerian Kewangan juga mempermudahkannya. Kami juga meminta syarikat minyak sekarang melaksanakan penggunaan *cash card* (kad tunai) sementara menunggu kad itu (*fleet card*) dikeluarkan.

"Insya-Allah kami ambil maklum kekhuatiran YB (Yang Berhormat) dan sedikit kerumitan yang dihadapi oleh pengguna disebabkan isu *fleet card* ini.

"Pada masa sama, kami juga akan terus bekerjasama rapat dengan kelima-lima syarikat minyak ini untuk mempercepat pengeluaran *fleet card*," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka)** yang mahukan penjelasan kementerian berhubung kelambatan pengeluaran *fleet card* di bawah pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Poay Tiong berkata, sungguhpun KPDN memberi kelulusan pada Mac dan April lalu, namun hingga kini, masih banyak syarikat pengangkutan darat belum menerima *fleet card*.

Dengan kelewatan itu, katanya, ia sekali gus menimbulkan masalah kepada syarikat berkenaan meskipun mereka boleh menuntut semula bayaran balik.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 6

# SKDS: KPDN sedia pertimbang kes khas sektor pengangkutan tertentu


ARMIZAN

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedia menimbangkan kes-kes khas bagi sektor pengangkutan tertentu dalam pelaksanaan Skim Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, antara yang dipertimbangkan ialah lori pengangkut Roro di kawasan-kawasan petani dan pekebun kecil kelapa sawit.

"Insya-ALLAH kita telah kemukakan kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi supaya mereka membuat *engagement* dengan pemegang taruh masing-masing, begitu juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, dan akan bawa cadangan (mereka).

"Jika ia terkait dengan perkhidmatan barang keperluan yang digunakan oleh orang ramai secara meluas, kerajaan akan menimbangkan untuk mengemukakan pelan mitigasi dan intervensi. Saya amat mengalu-alukan sebagaimana yang disebutkan Yang Berhormat tadi sebarang kes-kes tertentu yang boleh kita santuni dan cari kaedah (untuk membantu)," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Seri Hamzah Zainudin (**PN-Larut**) berkenaan keperluan memberikan bantuan itu kepada sektor pengangkutan lain yang terlibat dalam pertanian.

Armizan berkata, buat masa ini, sebanyak 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan layak memohon untuk mendapatkan SKDS.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian berkenaan akan meneruskan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat minyak yang terlibat dengan kad *fleet* untuk mempercepatkan pengeluaran kad berkenaan.

"Kita ambil maklum kekhuatiran Yang Berhormat (Kota Melaka) dan sedikit kerumitan yang dihadapi pengguna disebabkan kad *fleet* dan kita akan terus bekerjasama dengan kelima-lima syarikat minyak untuk mempercepatkan pengeluaran kad *fleet ini*," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Khoo Poay Tiong (**PH-Kota Melaka**) yang bertanyakan tindakan yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah kelewatan bagi pengeluaran kad *fleet* kepada pengguna, walaupun KPDN telah memberi kelulusan kepada pemohon bantuan itu. - *Bernama*

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 25

# Suami isteri ditahan seludup petrol

**TUMPAT** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan berjaya mematahkan cubaan pasangan suami isteri menyeludup 75 liter petrol di Kampung Dusun Langgar, Wakaf Bharu dekat sini pada Selasa.

Pasangan itu ditahan sepasukan anggota dalam serbuan jam 11 pagi.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, pihaknya bertindak atas maklumat risikan anggota bertugas selepas mengesan sebuah kereta jenis Perodua Kenari yang sedang mengisi petrol di kawasan Wakaf Bharu dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota bertugas bertindak mengekori kereta tersebut dan berjaya mengesannya dalam keadaan parkir di hadapan sebuah rumah di Dusun Langgar," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurut beliau, pemeriksaan ke atas kenderaan itu membawa kepada penemuan tangki minyak yang telah diubah suai.

Ujarnya, pemeriksaan lanjut mendapati tangki itu mengandungi petrol melebihi kuantiti asal.

Azman memberitahu, pasangan suami isteri tersebut gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit dan surat kuasa berkait pemilikan petrol yang dibawa bersama itu.

"Siasatan awal suspek mengaku memiliki sebanyak anggaran 75 liter petrol yang diisi ke dalam tangki minyak yang telah diubah suai untuk tujuan penyelewengan ke negara jiran melalui pangkalan haram atau tebing sungai di sempadan," katanya.

Menurut Azman, nilai keseluruhan rampasan termasuk kereta dan bahan api berkenaan dianggarkan berjumlah RM5,175.



**Kereta jenis Perodua Kenari yang diubah suai tangki minyak untuk digunakan pasangan suami isteri bagi menyeludup 75 liter petrol ke negara jiran.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 8

# Armizan: Fleet card issuance to be expedited

THE process of issuing the diesel subsidy fleet card by the five participating major oil companies under the Subsidised Diesel Control System 2.0 (SKDS 2.0) will be expedited, says Datuk Armizan Mohd Ali.

While admitting in Parliament that there were some delays, the Domestic Trade and Cost of Living Minister said to address the issue, the ministry was taking several steps, including requesting oil companies to implement the use of cash cards.

"In the approval stage of MySubsidi Diesel, there is no problem in the ministry. We can approve the applications immediately after receiving the full documents.

"But there is a problem in terms of the issuance of the fleet card by the oil companies. In addition to providing refunds, my ministry and the Finance Ministry are also simplifying the process.

"We are also requesting that oil companies implement the use of cash cards while waiting for the fleet card to be issued.

"We will continue our engagement with the oil companies to ensure the fleet card will be issued faster," he said in reply to a supplementary question from Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka).



**Addressing the issue:** Armizan speaking at the Dewan Rakyat at the Parliament Building. — Bernama

Khoo had asked the ministry to explain the delay in the issuance of the fleet card under SKDS 2.0.

In his question, Khoo said although the ministry granted approval around March and April, many land transportation companies have yet to receive the fleet card.

Due to this delay, the DAP MP said it had caused problems to these companies although they can claim reimbursement.

The five main oil companies involved are PETRONAS, Shell, Petron, Caltex and BHP.

The government started accepting applications for refunds from recipients of SKDS 2.0 on July 1.

This facility is available exclusively to owners of eligible logistics vehicles whose applications have been approved under SKDS 2.0 but have not yet received the fleet card.

Eligible applicants can apply for the refund through the Budi Madani portal at https://budimadani.gov.my.

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 12

# 4,025 litres of petrol seized in Semporna



The Myvi and the petrol seized by KPDN in the raid.

SEMPORNA: The Ministry of Domestic Trade and Costs of Living (KPDN) seized 4,025 litres of subsidised petrol at a jetty in Kampung Tampi-Tampi here on Tuesday.

KPDN Semporna chief Jong Jee Leong said officers confiscated 4,025 litres of petrol inside 161 gallons, a Perodua Myvi car, two speedboats, boat engines and other items valued at RM74,172.50 in the 5pm raid.

No arrest was made as the suspects escaped upon seeing the enforcement team, said Jong.

All the seized items were taken back to the KPDN office for investigation under Section 20(1) of the Supply Control Act 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 10

# SKDS: KPDN to review cases with certain transportation sectors

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) is prepared to consider extending the subsidised diesel vehicle scheme (SKDS) to accommodate special cases within certain transportation sectors, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said among those being considered are Roro transport lorries in areas with small-scale farmers and oil palm smallholders.

"We have already presented this to the Plantation and Commodities Ministry for their engagement with stakeholders, and to the Ministry of Agriculture and Food Security to propose their recommendations.

"If it involves essential goods services used widely by the public, the government will consider proposing mitigation and intervention plans," he said during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat.

He said this in reply to a supplementary question from Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) regarding the need to provide assistance to other transportation sectors involved in agriculture.

Armizan said currently, 33 types of public and goods transportation are eligible to apply for the SKDS.

Meanwhile, he said the ministry would continue to hold engagement sessions with oil companies involved in fleet operations to expedite the issuance of fleet cards.

"We take note of the concerns raised and the challenges faced by users regarding the fleet cards, and we will continue to collaborate with all five oil companies to expedite their issuance," he said.

He said in response to a supplementary question from Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) regarding the government's efforts to resolve delays in issuing fleet cards to users, despite the ministry's approval for assistance. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 1

# Lebih 4,000 liter petrol disyaki cuba diseleweng dirampas

Oleh Hamzah Samudin

SEMPORNA: Lebih 4,000 liter minyak petrol disyaki cuba diseleweng berjaya dirampas dalam serbuan di sebuah jeti tidak berdaftar di Kampung Tampi-Tampi, di sini pada Selasa.

Serbuan dilakukan sepasukan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna, kira-kira jam 5 petang.

Ketua KPDN Cawangan Semporna, Jong Jee Leong, berkata serbuan itu dilakukan berdasarkan hasil risikan selama seminggu di lokasi berkenaan.



RAMPAS: Minyak petrol yang dibawa menggunakan kereta dirampas dalam kejadian itu.



SELUDUP: Minyak petrol yang cuba diseludup keluar menggunakan bot turut dirampas.

Katanya, hasil serbuan itu telah menyita sebanyak 4,025 liter petrol yang ditemukan dalam 161 unit tong berkapasiti 25 liter setiap satu disyaki cuba diselewengkan.

"Turut disita barangan yang terbabit dalam aktiviti haram itu adalah sebuah kereta, bot laju, enjin sangkut, kereta sorong, tong kosong dan tong berisi petrol bercampur 2T.

"Tiada tangkapan dilakukan selepas semua suspek yang berada di lokasi kejadian bertindak terjun ke dalam paya dan melarikan diri ke kawasan bakau," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, semua barang rampasan yang dianggarkan berjumlah RM74,172.50 itu disita untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Jong berkata, berdasarkan maklumat awam, jeti itu tidak berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan serta tidak mempunyai sebarang dokumen kebenaran dan lesen yang sah untuk menyimpan minyak petrol.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122)," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan ke atas semua kegiatan berkaitan barang kawalan di negeri ini.

Katanya, ia bagi mengelak berlakunya sebarang bentuk penyelewengan terhadap barang kawalan berkenaan di daerah ini.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti yang melanggar perundangan itu boleh menyalurkan aduan kepada pihak kementerian melalui saluran WhatsApp iaitu 019-848 8000 atau Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN," katanya.

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 2

# Dua lelaki bawa 20,000 liter diesel tanpa permit ditahan

Oleh Hamzah Sanudin




RAMPAS: Lori membawa muatan minyak diesel tanpa permit yang sah ditahan.

BELURAN: Dua lelaki warga tempatan ditahan selepas didapati membawa kira-kira 20,000 liter minyak diesel bersubsidi di Road Check Point (RCP) Kilometer 4 Jalan Sapi Nangoh, di sini, pada Selasa.

Kedua-dua suspek terbabit ditahan oleh pasukan Batalion 20 Pasukan Gerakan Am (PGA) Beluran menerusi Op Taring.

Ketua Polis Daerah Beluran, Superintendan Hasan Majid berkata, pihaknya menahan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan di kawasan berkenaan.

"Hasil siasatan awal, kedua-dua suspek terbabit gagal menunjukkan permit Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan resit pembelian minyak diesel berkenaan.

"Semua suspek terbabit terus ditahan, manakala lori serta muatannya dirampas untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan media, di sini semalam.

Katanya, suspek dan barang rampasan kemudian diserahkan kepada pegawai penguat kuasa KPDN untuk tindakan selanjutnya.

"Kes berkenaan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 3

# SKDS: KPDN sedia pertimbang kes-kes khas bagi sektor pengangkutan tertentu

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedia menimbangkan kes-kes khas bagi sektor pengangkutan tertentu dalam pelaksanaan Skim Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS), Dewan Rakyat dimaklumkan semalam.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata, antara yang dipertimbangkan adalah lori pengangkut Roro di kawasan-kawasan petani dan pekebun kecil kelapa sawit.

"Insya-Allah kita telah kemukakan kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi supaya mereka membuat engagement dengan pemegang taruh masing-masing, begitu juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, dan akan bawa cadangan (mereka).

"Insya-Allah jika ia terkait dengan perkhidmatan barang keperluan yang digunakan oleh orang ramai secara meluas, kerajaan akan menimbangkan untuk mengemukakan pelan mitigasi dan intervensi. Saya amat mengalu-alukan sebagaimana yang disebutkan Yang Berhormat tadi sebarang kes-kes tertentu yang boleh kita santuni dan cari kaedah (untuk membantu)," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) berkenaan keperluan memberikan bantuan itu kepada sektor pengangkutan lain yang terlibat dalam pertanian.

Armizan berkata, buat masa ini, 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan layak memohon untuk mendapatkan SKDS.

Sementara itu, beliau berkata kementerian berkenaan akan meneruskan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat minyak yang terlibat dengan fleet card untuk mempercepatkan pengeluaran kad berkenaan.

"Kita ambil maklum kekhuatiran Yang Berhormat (Kota Melaka) dan sedikit kerumitan yang dihadapi para pengguna disebabkan fleetcard dan kita akan terus bekerjasama dengan kelima-lima syarikat minyak untuk expediate, mempercepatkan pengeluaran fleetcard ini," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) yang bertanyakan tindakan yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah kelewatan bagi pengeluaran fleet card kepada pengguna, walaupun KPDN telah memberi kelulusan kepada pemohon bantuan itu. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 3

# KPMKR laksana pendekatan cegah penyelewengan diesel

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) melaksanakan beberapa pendekatan penguatkuasaan bagi mencegah penyelewengan diesel bersubsidi di negeri ini.

Pembantu Menteri KPMKR, Datuk Flovia Ng berkata, pendekatan itu dilaksanakan bagi mengelak kenaikan harga barangan keperluan yang tidak munasabah.

Katanya, penguatkuasaan itu dilaksanakan secara konsisten menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah.

"Antara pendekatan itu adalah Ops Tiris 3.0, iaitu pengawasan ketat terhadap stesen minyak dan pengedar oleh pegawai penguat kuasa KPDN yang akan menjalankan pemeriksaan berkala dan ad-hoc.

"Ops Kesan 2024 turut dilakukan untuk pemeriksaan secara proaktif ke atas rantaian pengedaran barangan merangkumi pengeluar, peladang, penternak, pemasaran am, pengedar, pemborong dan peruncit di seluruh negeri dan daerah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mengadakan Ops Catut 2024, iaitu pemeriksaan bagi memastikan peniaga mematuhi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.



FLOVIA

"Pemeriksaan berkenaan merangkumi arahan semasa pemeriksaan back to school, bahan bakeri dan makanan sedia bungkus," katanya.

Flovia berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Liawan, Datuk Anwar Ayuub@ Annuar Ayub semasa Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri, di sini, semalam.

Menurut Flovia, KPDN juga bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi memastikan harga bekalan barangan keperluan terkawal dan mencukupi.

Flovia turut menjelaskan bahawa tidak berlaku penarikan subsidi bahan api diesel di Semenanjung Malaysia.

"Sebaliknya, subsidi diesel yang sebelum ini dinikmati secara pukal telah disasarkan semula kepada golongan yang layak," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 2

# Lebih 4,000 liter petrol disyaki cuba diseleweng dirampas

SEMPORNA: Lebih 4,000 liter minyak petrol disyaki cuba diseleweng berjaya dirampas dalam serbuan di sebuah jeti tidak berdaftar di Kampung Tampi-Tampi di sini kelmarin.

Serbuan dilakukan sepasukan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna, kira-kira jam 5 petang.

Ketua KPDN Cawangan Semporna, Jong Jee Leong, berkata serbuan itu dilakukan berdasarkan hasil risikan selama seminggu di lokasi berkenaan.

Katanya, hasil serbuan itu telah menyita sebanyak 4,025 liter petrol yang ditemukan dalam 161 unit tong berkapasiti 25 liter setiap satu disyaki cuba diselewengkan.

"Turut disita barangan yang terbabit dalam aktiviti haram itu adalah sebuah kereta, bot laju, enjin sangkut, kereta sorong, tong kosong dan tong berisi petrol bercampur 2T.

"Tiada tangkapan dilakukan selepas semua suspek yang berada di lokasi kejadian bertindak terjun ke dalam paya dan melarikan diri ke kawasan bakau," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, semua barang rampasan yang dianggarkan berjumlah RM74,172.50 itu disita untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Jong berkata, berdasarkan makluman awam, jeti itu tidak berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan serta tidak mempunyai sebarang dokumen kebenaran dan lesen yang sah untuk menyimpan minyak petrol.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122)," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan ke atas semua kegiatan berkaitan barang kawalan di negeri ini.

Katanya, ia bagi mengelak berlakunya sebarang bentuk penyelewengan terhadap barang kawalan berkenaan di daerah ini.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti yang melanggar perundangan itu boleh menyalurkan aduan kepada pihak kementerian melalui saluran WhatsApp iaitu 019-8488000 atau Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN," katanya.



**RAMPAS: Minyak petrol yang dibawa menggunakan kereta dirampas dalam kejadian itu.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 10

# SKDS: KPDN sedia pertimbang kes-kes khas bagi sektor pengangkutan tertentu

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedia menimbangkan kes-kes khas bagi sektor pengangkutan tertentu dalam pelaksanaan Skim Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS), Dewan Rakyat dimaklumkan semalam.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata antara yang dipertimbangkan adalah lori pengangkut Roro di kawasan-kawasan petani dan pekebun kecil kelapa sawit.

"Insya-Allah kita telah kemukakan kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi supaya mereka membuat engagement dengan pemegang taruh masing-masing, begitu juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, dan akan bawa cadangan (mereka).

"Insya-Allah jika ia terkait dengan perkhidmatan barang keperluan yang digunakan oleh orang ramai secara meluas, kerajaan akan menimbangkan untuk mengemukakan pelan mitigasi dan intervensi. Saya amat mengalu-alukan sebagaimana yang disebutkan Yang Berhormat tadi sebarang kes-kes tertentu yang boleh kita santuni dan cari kaedah (untuk membantu)," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) berkenaan keperluan memberikan bantuan itu kepada sektor pengangkutan lain yang terlibat dalam pertanian.

Armizan berkata buat masa ini, 33 jenis pengangkutan darat awam dan barangan layak memohon untuk mendapatkan SKDS.

Sementara itu, beliau berkata kementerian berkenaan akan meneruskan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat minyak yang terlibat dengan fleet card untuk mempercepatkan pengeluaran kad berkenaan.

"Kita ambil maklum kekhuatiran Yang Berhormat (Kota Melaka) dan sedikit kerumitan yang dihadapi para pengguna disebabkan fleetcard dan kita akan terus bekerjasama dengan kelima-lima syarikat minyak untuk expediate, mempercepatkan pengeluaran fleetcard ini," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) yang bertanyakan tindakan yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah kelewatan bagi pengeluaran fleet card kepada pengguna, walaupun KPDN telah memberi kelulusan kepada pemohon bantuan itu. — Bernama



SEDIA PERTIMBANG: Armizan pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas di Bangunan Parlimen semalam. — Gambar Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 8

## 與5油企合作加速發柴油卡

国内贸易及生活费部长拿督阿米占坦言，津贴柴油卡（fleet card）的发出确实有延迟，该部会与5家石油公司合作，加速发放津贴柴油卡。

他回答行动党马六甲市区国会议员邱培栋的附加提问说，该部也要求石油公司在等待发放（津贴柴油卡）期间，先实行使用现金卡（cash card）。"

他说，柴油补贴管制系统2.0（SKDS 2.0）已结合陆路交通局的资料，只要商家提交的资料齐全，该部会快速批准他们的申请。

## 馬準備好任東盟主席國

外交部长拿督斯里莫哈末哈山指出，我国做好准备出任2025年东盟轮值主席国，重点关注安全与政治、经济、社会文化这三大核心支柱。

他回答公正党鹅唛区国会议员拿督斯里阿米鲁丁的提问时说，截至6月，我国已安排257场将于明年举行的高级别会议，涉及国家领导人、部长和官员。

他说，除了首相拿督斯里安华将出任指导委员会主席，也设立部长级委员会负责筹备工作。

莫哈末哈山说，东盟商务咨询理事会马来西亚分会将负责举办研讨会和交流会，让私人界和企业家也能参与其中。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報
CHINA PRESS

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 6

## 阿米占：先用現金卡

# 承認柴油補貼卡延誤

（吉隆坡10日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占坦承，石油公司在发出柴油补贴卡（Fleet Card）的过程确实有所延误，以致商家面对申请获该部批准后，补贴卡却迟迟还未到手的问题。

他说，内贸部负责管辖的柴油补贴管制系统2.0（SKDS 2.0），已结合陆路交通局的资料，因此只要商家为23种可获柴油补贴卡的运输交通工具，提呈申请附上的文件齐全，那该部可以迅速批准申请。

"我承认，石油公司延误发出柴油补贴卡问题的确存在，我们将继续与这些公司交涉，确保他们更快发出补贴卡。"

阿米占今早在国会下议院问答环节，回答行动党马六甲市区国会议员邱培栋的附加提问时说，正因上述问题，政府从7月1日起，开放让还未获得柴油补贴卡的商家，申请现金索款。

部长补充，内贸部理解商家面对柴油补贴卡未到手的问题，因此该部将和5家石油公司密切合作，加快发放过程。

当时，邱培栋向部长反映，即使内贸部早在3月和4月，就批准了商家通过系统，为可获得柴油补贴卡的运输类交通工具提呈申请，但仍有许多商家面对补贴卡迟迟未到手的问题。

他说，尽管政府让商家申请现金索款，但若商家提前获得补贴卡，则可避免商家又需另外申请现金索款的程序。

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# The broken rice story

## Can MyCC put the 'Humpty Dumpty' together again?

ALLEGATIONS of cartels operating in the rice industry are not uncommon. As quickly as the allegations are made, they are denied by the authorities. But cartels aren't the only problem for the rice industry. Our staple diet industry has numerous other issues. We will soon know the gamut when the Malaysia Competition Commission (MyCC) completes its farm-to-fork study, estimated to be completed by the end of September. To date, more than 150 people with interests in the industry have been interviewed. By the time the study is completed, seed distributors, fertiliser suppliers, equipment providers, farmers, grain collectors, millers, wholesalers and retailers are expected to be interviewed. To our knowledge, this is the first time the entire rice supply chain is under the microscope of any one authority, though other studies of similar nature were conducted for a limited purpose. What has come of them remains a mystery. MyCC isn't ready to divulge more, as there are still some grounds to cover over the next 2½ months. We are glad that, finally, our regulators have started to pin down the industry's issues for good. Problems abound throughout the supply chain, and it is about time the fog is cleared.

Consider the farmers, without whom the rice industry wouldn't exist. When prices rise — they do every once in a while — consumers tend to put the blame on the farmers. The truth is, not much of what consumers pay retailers goes to the purses of farmers. The extra money just doesn't make it to the farm gate. Call it a loss in transition. The MyCC study must not miss the reason why this happens. MyCC's boots on the rice fields will surely help uncover this. Farmers' wellbeing is as important as rice supply. If we do not ensure that the farmers get what they justly deserve, they will soon begin to hang up their hoes. Malaysia has been revising its self-sufficiency level from around 90 per cent in the 1960s downward to about 65 per cent today. The rest is imported, mainly from Thailand, Vietnam, Pakistan and India. Importing rice comes with its own dangers, but that is a Leader for another time. The rice bowl is rapidly shrinking. Something urgently needs to be done before our food security is threatened. And no "eat tapioca" advice, please.

> *Something urgently needs to be done before our food security is threatened.*

We hope the MyCC study brings change to the rice industry in some major ways. The laments from everyone on the farm-to-fork spectrum are decades old. We have just ambled along, problems and all. Will this time be any different? We sure hope so. Understandably, Malaysians will be pinning their hopes on the MyCC study to cure some of the industry's ailments, if not all. But quick fixes are the last thing on MyCC's mind, we are told. Expect the cure to come in three buckets: immediate, medium and long term. Given that the issues that the industry is up against aren't just restricted to anti-competition, the ambit of MyCC, issue buckets may get passed on to other agencies. But the signal coming out of MyCC is that, with a few exceptions, many across the supply chain need to buck up. Not surprising. Like rice, complacency has become a staple diet.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 1

# HASIL CUKAI KURANG SELEPAS MANSUH GST

KUTIPAN hasil cukai berasaskan penggunaan telah berkurangan hampir separuh setiap tahun selepas cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dilaksanakan kembali pada tahun 2018 bagi menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

5




UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 5

# Kutipan SST kurang separuh berbanding GST

Pelaksanaan SST tidak boleh dianggap sebagai penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan




**MOF berkata pelaksanaan SST tidak boleh dianggap sebagai penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan. - *Gambar hiasan***

KUALA LUMPUR

Kutipan hasil cukai berasaskan penggunaan telah berkurangan selepas cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) dilaksanakan semula bagi menggantikan cukai barang dan perkhidmatan (GST), menurut Kementerian Kewangan (MOF).

MOF berkata, selepas GST diperkenalkan pada April 2015, kutipan GST adalah sebanyak RM37.7 bilion bagi tahun 2015; RM55.7 bilion (2016); RM60.5 bilion (2017); dan RM30.9 bilion (2018), iaitu sehingga Mei 2018 sahaja.

Selain itu, katanya, selepas SST dilaksanakan semula, kutipan SST adalah sebanyak RM5.4 bilion bagi tahun 2018, iaitu dari September 2018 hingga Disember 2018; RM27.6 bilion (2019), RM25.2 bilion (2020); RM25.5 bilion (2021); RM31.3 bilion (2022); dan RM35.4 bilion (2023).

"Secara keseluruhan, kutipan GST bagi tempoh dari April 2015 hingga GST dimansuhkan pada Mei 2018 adalah berjumlah RM184.8 bilion, manakala jumlah kutipan SST pula adalah sebanyak RM150.4 bilion bagi tempoh dari September 2018 hingga akhir tahun 2023," kata MOF dalam jawapan bertulis yang disiarkan menerusi laman sesawang Parlimen pada Selasa.

MOF berkata demikian bagi menjawab soalan **Salamiah Mohd Nor (PN-Temerloh)** mengenai adakah hasil cukai dan rizab negara meningkat selepas SST diperkenalkan semula serta adakah SST antara penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan.

Menurut Kementerian Kewangan, jika dibandingkan jumlah kutipan hasil antara tempoh pelaksanaan GST dan SST, purata kutipan SST secara tahunan adalah 51.6 peratus lebih rendah daripada purata kutipan tahunan GST susulan skop kenaan SST adalah lebih kecil berbanding GST.

"Faktor utama jumlah kutipan SST menjadi lebih rendah adalah skop kenaan SST adalah lebih kecil iaitu meliputi 41 peratus daripada keseluruhan barang dan perkhidmatan dijual dalam pasaran berbanding 76 peratus daripada barang dan perkhidmatan dijual di bawah skop kenaan GST," ujarnya.

Sementara itu, MOF berkata, pelaksanaan SST tidak boleh dianggap sebagai penyebab utama kenaikan harga barang secara berterusan kerana terdapat faktor lain seperti permintaan dan penawaran, harga komoditi global, harga barangan import serta kadar tukaran mata wang asing yang turut mempengaruhi penetapan harga barang dan perkhidmatan oleh perniagaan.

"Terdapat juga peniaga dan penyedia perkhidmatan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang dijual bagi meraih keuntungan berlebihan walaupun tidak terkesan dengan pengenaan SST," kata MOF. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 11/7/2024
M/SURAT: 5

# GST lebih sesuai tingkatkan hasil pendapatan negara



AIMI ZULHAZMI

**SHAH ALAM -** Pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilihat lebih sesuai dilaksanakan di negara ini berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST), sekali gus dapat meningkatkan hasil pendapatan negara.

Penganalisis Ekonomi daripada Universiti Kuala Lumpur, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, SST terbukti menyebabkan kerajaan mendapat pengurangan cukai 51.6 peratus berbanding GST memandangkan jenis-jenis barangan yang dicukaikan di bawah SST adalah lebih kecil daripada GST.

Sedangkan katanya, pelaksanaan GST juga mungkin boleh membantu kerajaan untuk tidak melaksanakan penyasaran petrol RON95 secara drastik berikutan peningkatan hasil yang diperoleh kerajaan.

"Faktor utama jumlah kutipan SST menjadi lebih rendah adalah skop kenaan SST adalah lebih kecil iaitu meliputi 41 peratus daripada keseluruhan barang dan perkhidmatan dijual dalam pasaran berbanding 76 peratus daripada barang dan perkhidmatan dijual di bawah skop kenaan GST.

"Disebabkan itu, saya melihat GST lebih sesuai kerana ia adalah cukai kepenggunaan di mana rakyat yang berbelanja besar kerana berpendapatan besar selayaknya dicukaikan.

"Bagi golongan B40 dan M40 pula, percukaian adalah bergantung kepada pendapatan mereka secara langsung, iaitu lebih rendah manakala barangan keperluan seperti makanan, minuman dan bahan api yang digunakan oleh semua lapisan masyarakat tidak perlu dicukaikan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Aimi, jika kerajaan ingin melaksanakan GST kembali, apa yang perlu diperbaiki adalah sistem rebat yang lebih efisien, tepat dan pantas oleh agensi kerajaan yang menjalankan operasi tersebut.

Pada masa sama, beliau mengingatkan agar kerajaan tidak mengulangi kekurangan yang telah menyebabkan GST dihapuskan pada tahun 2018.

"Selain daripada itu, kadar cukai GST janganlah terlalu tinggi sehingga enam peratus tetapi haruslah berperingkat dengan bermula serendah dua ke tiga peratus sahaja.

"Banyak persatuan perniagaan juga menyokong pelaksanaan GST berbanding SST kerana lebih mudah dari aspek praktikal.

"Bagi mengimbangkan pelaksanaan semula GST dengan lebih berhemah dan prihatin kepada rakyat, sesuailah cukai pendapatan untuk golongan M40 juga diturunkan," jelasnya.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 11 JULAI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 11-Jul | Dewan Rakyat: Pemberian subsidi diesel diperluaskan kepada 14 jenis pengangku-tan barangan | https://www.tvsarawak.my/2024/07/10/dewan-rakyat-pemberian-subsidi-diesel-diperluaskan-kepada-14-jenis-pengangkutan-barangan/ | TV SARAWAK |
| 11-Jul | KPDN akui ada kelewatan pengeluaran 'fleet card' | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1109726/kpdn-akui-ada-kelewatan-pengeluaran-fleet-card | HARIAN METRO |
| 11-Jul | PARLIMEN: KPDN akui fleet card lewat dikeluarkan | https://www.utusan.com.my/terkini/2024/07/kpdn-akui-fleet-card-lewat-dikeluarkan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jul | Kelewatan pengeluaran 'fleet card', syarikat minyak diminta guna sistem bayaran kad tunai untuk se-mentara | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kelewatan-pengeluaran-fleet-card-syarikat-minyak-diminta-guna-sistem-bayaran-kad-tunai-untuk-sementara | BERITA RTM |
| 11-Jul | KPDN akui fleet card lambat dikeluarkan | https://www.sinarharian.com.my/article/674189/video/berita-semasa-video/kpdn-akui-fleet-card-lambat-dikeluarkan | SINAR HARIAN |
| 11-Jul | KPDN akui masalah penge-luaran 'fleet card' oleh syari-kat minyak | https://malaysiagazette.com/2024/07/10/kpdn-akui-masalah-pengeluaran-fleet-card-oleh-syarikat-minyak/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 11-Jul | Kerajaan akui isu kelewatan pengeluaran 'fleet card' SKDS, jamin akan diper-cepat - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-akui-isu-kelewatan-pengeluaran-fleet-card-skds-jamin-akan-dipercepat-armizan-478369 | ASTRO AWANI |
| 11-Jul | KPMKR laksana pendeka-tan cegah penyelewengan diesel | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/10/kpmkr-laksana-pendekatan-cegah-penyelewengan-diesel | UTUSAN BORNEO |
| 11-Jul | SKDS: KPDN to review cas-es with certain transportion sectors - Armizan | https://thesun.my/local-news/skds-kpdn-to-review-cases-with-certain-transportion-sectors-armizan-HE12701879 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Jul | KPDN tidak menolak isu fleet card lambat dikeluar-kan | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tidak-menolak-isu-fleet-card-lambat-dikeluarkan/ | BULETIN TV3 |
| 11-Jul | SKDS: KPDN SEDIA PER-TIMBANG KES-KES KHAS BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN TER-TENTU - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2315974 | BERNAMA |
| 11-Jul | DUN Sabah : KPDN Sabah laksana Ops Tiris benteras penyelewengan diesel ber-subsidi di Sabah | https://sabahnewstoday.net/dun-sabah-kpdn-sabah-laksana-ops-tiris-benteras-penyelewengan-diesel-bersubsidi-di-sabah/ | SABAH NEWS TODAY |
| 11-Jul | Suami isteri naik Perodua Kenari dicekup cuba seludup petrol | https://www.kosmo.com.my/2024/07/10/suami-isteri-naik-perodua-kenari-dicekup-cuba-seludup-petrol/ | KOSMO |
| 11-Jul | Suami isteri ditahan cuba seludup petrol | https://www.sinarharian.com.my/article/674181/berita/semasa/suami-isteri-ditahan-cuba-seludup-petrol | SINAR HARIAN |
| 11-Jul | Pasangan suami isteri dita-han seludup petrol | https://www.utusan.com.my/berita/2024/07/pasangan-suami-isteri-ditahan-seludup-petrol/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jul | KPDN patah sindiket beli diesel tengah laut | https://www.malay.news/kpdn-patah-sindiket-beli-diesel-tengah-laut/ | MALAY NEWS |
| 11-Jul | KPDN patah sindiket beli diesel tengah laut | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/kpdn-patah-sindiket-beli-diesel-tengah-laut/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jul | Fuel smugglers give raiding team the slip in Semporna | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/10/fuel-smugglers-give-raiding-team-the-slip-in-semporna | THE STAR |
| 11-Jul | KPDN seizes over 4,000 li-tres of subsidised petrol in Semporna | https://thesun.my/local-news/kpdn-seizes-over-4000-litres-of-subsidised-petrol-in-semporna-ME12704338 | THE SUN |
| 11-Jul | Keropok guna logo halal ta-mat tempoh disita | https://www.malay.news/keropok-guna-logo-halal-tamat-tempoh-disita/ | MALAY NEWS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11-Jul | Keropok guna logo halal tamat tempoh disita | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1109931/keropok-guna-logo-halal-tamat-tempoh-disita | HARIAN METRO |
| 11-Jul | Kilang proses keropok pelbagai perisa guna sijil halal tamat tempoh | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kilang-proses-keropok-pelbagai-perisa-guna-sijil-halal-tamat-tempoh | BERITA RTM |
| 11-Jul | Dua lelaki bawa 20,000 liter diesel tanpa permit ditahan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/10/dua-lelaki-bawa-20000-liter-diesel-tanpa-permit-ditahan | UTUSAN BORNEO |
| 11-Jul | Bawa 20,000 liter diesel tanpa permit, dua lelaki ditahan di Beluran | https://www.sabahgazette.com/bawa-20000-liter-diesel-tanpa-permit-dua-lelaki-ditahan-di-beluran/#google_vignette | SABAH GAZETTE |
| 11-Jul | SKDS: KPDN sedia pertimbang kes khas sektor pengangkutan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/skds-kpdn-sedia-pertimbang-kes-khas-sektor-pengangkutan | BERITA RTM |
| 11-Jul | KPDN buka rayuan, perluaskan SKDS kepada golongan layak | https://www.suarakeadilan.my/post/kpdn-buka-rayuan-perluaskan-skds-kepada-golongan-layak | SUARA KEADILAN |
| 11-Jul | SKDS: KPDN sedia timbang kes khas bagi sektor pengangkutan tertentu | https://www.sinarharian.com.my/article/674265/berita/nasional/skds-kpdn-sedia-timbang-kes-khas-bagi-sektor-pengangkutan-tertentu | SINAR HARIAN |
| 11-Jul | Suami isteri disyaki penyeludup petrol ditahan KPDN Kelantan | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1269505/suami-isteri-disyaki-penyeludup-petrol-ditahan-kpdn-kelantan | BERITA HARIAN |
| 11-Jul | Suami isteri ditahan cuba seludup petrol | https://www.malay.news/suami-isteri-ditahan-cuba-seludup-petrol/ | MALAY NEWS |
| 11-Jul | KPDN TAHAN SUAMI ISTERI DISYAKI SELUDUP PETROL GUNA TANGKI UBAH SUAI | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2316209 | BERNAMA |
| 11-Jul | KPDN tahan suami isteri disyaki seludup petrol guna tangki ubah suai | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tahan-suami-isteri-disyaki-seludup-petrol-guna-tangki-ubah-suai/#google_vignette | BULETIN TV3 |
| 11-Jul | SME Corp Malaysia, SSM tandatangani MoU tingkatkan keberkesanan pelaksanaan TUBE | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/10/sme-corp-malaysia-ssm-tandatangani-mou-tingkatkan-keberkesanan-pelaksanaan-tube | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT